**NO. SOALAN : 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD [MERSING]**

**TARIKH JAWAPAN : 30 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 48**

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah polisi pemerintah untuk memastikan tenaga (*power*) dari sumber *renewable* dan hijau terus digalakkan sebagai contoh tenaga solar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam memastikan tenaga daripada sumber *renewable* atau boleh baharu dan hijau terus digalakkan, Kerajaan telah mewujudkan Dasar Lima Bahan Api pada tahun 2001 yang memberi penekanan kepada perlunya biomas, biogas, hidrokuasa kecil dan solar PV sebagai sumber alternatif kepada bahan api fosil.

Lanjutan daripada ini, Kerajaan telah mewujudkan agensi khas iaitu Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) untuk memberi tumpuan khusus kepada pembangunan Tenaga Boleh Baharu. Tugas dan tanggungjawab SEDA dimantapkan dengan penggubalan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 yang membolehkan pelaksanaan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) dikuatkuasakan pada Disember 2011.

Di samping mewujudkan institusi dan perundangan untuk menggalakkan penggunaan Tenaga Boleh Baharu, Kerajaan juga sedang melaksanakan program utiliti solar berskala besar dan *net energy*

*metering* yang akan memacu pembangunan Tenaga Boleh Baharu terutama solar pv di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**********